NEXUS

RINGKASAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#01

29 Dis 2023 – 4 Jan 2024



PASUKAN PENYELIDIK
YAYASAN STRATEGIK LESTARI

DR. MUKHTARUDDIN • HANISAH • HAFIZUDDIN • IZZAT IBRAHIM • SHAUQI JOHARA

ISI KANDUNGAN

DAP Terus Campur Tangan Hal Ehwal Islam 2
Kemalangan Jalan Raya: Mimpi Ngeri Rakyat 4
Ketua Pembangkang Korea Selatan Ditikam 6
Sistem PADU Tidak Menyelesaikan Masalah 8
Gempa Bumi Jepun Pada Tahun Baharu 10

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel:
penyelidik@yslestari.org.my

DAP Terus Campur Tangan Hal Ehwal Islam

- Ngeh Koo Ham mencadangkan Kerajaan melantik pakar daripada **masyarakat bukan Islam** untuk membantu Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi DUN Untuk Menggubal Undang-Undang Islam, yang ditubuhkan awal bulan ini.



- Menurut beliau, langkah itu bagi mengambil kira pandangan orang bukan Islam sebelum sebarang perubahan pada undang-undang dibuat.
- Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-undang Islam bertanggungjawab mengkaji isu-isu melibatkan bidang kuasa Persekutuan dan Negeri, khususnya berkaitan kompetensi DUN mengenai penggubalan undang-undang Islam serta bidang kuasa mahkamah, sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan.
- Jawatankuasa khas ini telah dibentuk oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang **dipengerusikan** oleh DYMM Sultan

Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Ia dibentuk selepas timbul isu kes Iki Putra Mubarak dan juga kes Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid.


- Jawatankuasa seramai 10 orang ini **diketuai** oleh Bekas Ketua Hakim Negara Tun Zaki Tun Azmi.
- DAP terus menyentuh sensitiviti umat Islam di Malaysia apabila mengeluarkan kenyataan atau cadangan berkaitan pentadbiran agama Islam di negara ini. Ngeh Koo Ham juga pernah bercakap dalam Parlimen tahun ini berkenaan **perkahwinan** antara orang Islam dengan bukan Islam di luar negara.
- Meskipun permohonan maaf telah dibuat, namun ia boleh dipersoalkan memandangkan ini bukanlah kali pertama pemimpin DAP lain mengeluarkan kenyataan yang menyentuh hal ehwal Islam.
- Beberapa siri keceluparan pemimpin DAP, antaranya pentafsiran ayat al-Quran oleh Ahli Parlimen DAP untuk menggesa umat Islam menyokong kerajaan campuran dan banyak lagi.
- Semua tindakan DAP ini dilihat sebagai usaha untuk menormalisasikan pertikaian rakyat Malaysia kepada hukum dan hal ehwal pentadbiran Islam di negara ini. Akhirnya rakyat akan menganggap bahawa hukum Islam tidak boleh dipaksakan ke atas mereka.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1193651/lantik-pakar-bukan-islam-bantu-jk-kaji-kompetensi-dun-gubal-undang
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jawatankuasa-khas-kaji-kompetensi-dun-gubal-undangundang-islam-ditubuhkan-448895
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1146900/dap-secara-terbuka-menentang-islam-bela-orang-murtad-hadi-perjelas

Kemalangan Jalan Raya: Mimpi Ngeri Rakyat

- Sebanyak **598,635 kes** kemalangan jalan raya dilaporkan pada tahun 2022 ataupun 1,640 kes kemalangan yang berlaku setiap hari walaupun pelbagai operasi telah dijalankan di seluruh negara termasuk saman dan denda.
- Meneliti pola kes kemalangan jalan daripada tahun 2010 sehingga 2022, jumlah kemalangan pada tahun 2022 adalah yang tertinggi dalam tempoh 12 tahun iaitu sebanyak 527,292.



- Purata jumlah **kematian** pula adalah sekitar 6,909 setiap tahun. Jumlah ini adalah sedikit jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan kes. Walau bagaimanapun, kemalangan ini telah memberi kesan kepada kehilangan punca pendapatan keluarga, kecederaan sehingga melibatkan pelbagai kos yang terpaksa ditanggung sendiri dan kos pampasan yang tinggi.
- Kos **kerugian** akibat kemalangan adalah sangat tinggi. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah membuat

kajian nilai statistik hayat (VSOL) 2018 dan melaporkan bahawa kerajaan telah kerugian sekurang-kurangnya RM3.12 juta bagi setiap nyawa.

- Kematian melibatkan kemalangan jalan raya pula merangkumi sekitar 16.8 peratus bagi mereka yang berumur 16 hingga 40 tahun dan 3.0 peratus bagi mereka yang berumur 0-14 tahun.
- Antara contoh sasaran negara yang boleh dijadikan **penanda aras** ialah Kesatuan Eropah yang mana telah mensasarkan pengurangan 50 peratus untuk kematian jalan raya dan kecederaan serius menjelang 2030 dan mencapai mencapai sifar kematian jalan raya menjelang 2050 (Vision Zero).
- Lima **prinsip keselamatan** yang dititikberatkan ialah 1) kefungsian jalan raya, 2) kehomogenan jisim dan/atau kelajuan dan arah, 3) toleransi fizikal dan sosial, 4) pengecaman dan kebolehramalan jalan raya dan 5) tingkah laku dan keadaan kesedaran.
- Sudah tiba masanya untuk kita perlu membuat **penilaian semula** ke atas semua polisi sedia ada. Sasaran yang jelas dan tindakan yang proaktif perlu dengan membangunkan strategi yang mengambil kira aspek kejuruteraan, penguatkuasaan, pendidikan dan perkhidmatan perubatan kecemasan.

RUJUKAN

- https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2023/05/909945/seeking-solution-reducing-road-accidents-malaysia
- https://www.mot.gov.my/my/land/safety/road-accident-and-facilities
- https://www.malaysiakini.com/news/691926

Ketua Pembangkang Korea Selatan Ditikam

- Pemimpin parti pembangkang **Korea Selatan**, Lee Jae-myung cedera ditikam di leher ketika bercakap dengan sekumpulan wartawan di bandar pelabuhan Busan.
- Menurut Balai Polis Busan, penyerang merupakan seorang lelaki berusia 67 tahun, menggunakan pisau sepanjang 18 cm berjalan ke arah Jae-Myung sambil meminta autograf daripada pemimpin Parti Demokrat itu sebelum tiba-tiba menyerangnya.



- Sementara itu, Presiden Korea Selatan, Yoon Suk Yeol, mengecam tindakan tersebut yang dianggap tidak boleh diterima walau apa jua alasan diberikan.
- Kes serangan terhadap terhadap ahli politik kian meningkat di Korea Selatan dengan kes paling ketara melibatkan bekas Presiden, Park Geun-hye dan bekas Ketua Pembangkang, Song Young-gil.
- Selain Korea, **Jepun** juga telah menyaksikan peningkatan keganasan politik, seperti pembunuhan bekas Perdana Menteri, Shinzo Abe di Nara pada Julai 2022, dan serangan ke atas Perdana Menteri semasa, Fumio Kishida pada April 2023.

- Menurut pandangan Da Zhigang, Pengarah Institut Kajian Asia Timur Laut di Akademi Sains Sosial Wilayah Heilongjiang, negara Korea dan Jepun, belakangan ini menghadapi masalah **kemelesetan ekonomi** yang berpanjangan, selain desakan rakyat menuntut agar dilakukan transformasi ekonomi, orientasi semula politik dan perubahan masyarakat.
- Selain itu, faktor kebergantungan kepada pakatan luar dalam diplomasi dan **polarisasi politik** yang tidak berkesudahan juga telah mendorong transformasi konservatisme dan nasionalisme baharu di Jepun dan Korea Selatan, turut dilihat menjadi punca kepada peningkatan ideologi ekstremisme.
- Meskipun serangan ini berlaku jauh dari negara kita, namun kes ini perlu dijadikan **iktibar** buat para pemimpin-pemimpin negara sama ada di sebelah kerajaan mahupun pembangkang.
- Para pemimpin harus sedar, jika rakyat melihat politik tidak dapat menangani isu-isu seperti ketidaksamaan kekayaan dan keadilan sosial dengan berkesan, maka mereka akan lebih cenderung terdedah kepada polarisasi pemikiran negatif dan ekstremisme.

RUJUKAN

- https://www.theguardian.com/world/2024/jan/02/lee-jae-myung-stabbed-south-korea-opposition-leader-busan-local-media-reports
- https://malaysiagazette.com/2024/01/02/pemimpin-pembangkang-korea-selatan-ditikam-di-leher/
- https://edition.cnn.com/2024/01/02/asia/south-korean-opposition-leader-attacked-busan-intl-hnk/index.html
- https://www.globaltimes.cn/page/202401/1304718.shtml

Sistem PADU Tidak Menyelesaikan Masalah

- **Pangkalan Data Utama (PADU)** perlu memastikan segala kebimbangan daripada isu-isu utama agar segera diatasi, terutamanya perlindungan data peribadi dan kesahihan pengemaskinian data pengguna.



- Perkara ini dibangkitkan Bekas Timbalan Menteri, Dr **Ong Kian Ming** yang menyatakan pengguna sekali lagi perlu mengisi maklumat peribadi dan menyoalkan apakah mekanisme yang digunakan bagi mensahihkan maklumat yang diisi itu tepat atau tidak.
- Terdapat juga **isu keselamatan** pengguna dengan pendaftaran PADU di mana jika sesiapa sahaja mempunyai nombor IC dan poskod IC pengguna boleh mendaftar dan menukar butiran akaun PADU individu tersebut, tanpa perlu melalui Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (e-KYC).
- Adapun Menteri Ekonomi hanya memaklumkan maklumat yang dikemukakan daripada pengguna yang telah berjaya pengesahan e-KYC dikira sah, adapun kemungkinan manipulasi data masih tidak diberi penjelasan.


- Antara isu lainnya, bagaimana kumpulan yang tidak bermajikan atau **bekerja sendiri** akan membuat pelaporan pendapatan dan perbelanjaan mereka. Begitu juga kerajaan melalui sistem PADU ini masih tidak ada mekanisme yang jelas untuk menentukan komitmen tetap.
- Pakar juga berpendapat bahawa terma "**isi rumah**" perlu diteliti semula berikutan isi rumah diklasifikasikan kepada mereka yang tinggal bersama dalam satu rumah menggunakan peruntukan sama tetapi tidak kepada mereka yang tinggal berasingan dan mempunyai tanggungan besar yang lain.
- Buat masa sekarang, masih terlalu banyak isu lain yang perlu diselesaikan sebelum PADU menjadi sistem utama bagi penyasaran bantuan dan subsidi rakyat Malaysia.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1195640/tangguh-pendaftaran-padu-hingga-isu-teknikal-diperbetulkan-kian-ming
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lima-masalah-padu-boleh-diatasi-segera-rafizi-452525
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1194898/padu-perlu-tafsir-pendapatan-boleh-belanja-bersih

Gempa Bumi Jepun Pada Tahun Baharu

- Satu **gempa bumi** sekuat 7.6 skala Richter telah menggegarkan Jepun pada 1 Januari 2024 dengan Agensi Meteorologi Jepun telah mengeluarkan amaran tsunami di wilayah Ishikawa, Niigata dan Toyama.



- Amaran tsunami berskala besar ini kali pertama dilakukan sejak gempa bumi dan tsunami yang melanda timur laut Jepun pada Mac 2011 yang lalu. Gempa yang lebih kuat dijangka boleh berlaku dalam masa beberapa hari akan datang.
- Jepun merupakan antara negara yang paling terkesan dengan bencana gempa bumi kerana negara tersebut menjadi titik pertemuan 4 **plat tektonik**, iaitu plat Pasifik, plat Filipina, plat Eurasia dan plat Amerika Utara.

- Meskipun Jepun kerap ditimpa gempa bumi, negara ini kekal menjadi salah satu negara dengan ekonomi yang paling kuat dan berpengaruh atas beberapa faktor:
    - **Budaya persediaan** menghadapi bencana yang dilaksanakan di semua peringkat sama ada di sekolah, tempat kerja, komuniti mahupun pada peringkat nasional. Latihan dan simulasi menghadapi bencana sering dilakukan bagi memastikan setiap individu cakna dan cekap serta memupuk semangat kebersamaan dalam kawasan kejiranan.
    - Kerajan Jepun membuat pelaburan yang tinggi untuk membangunkan **sistem amaran awal berteknologi tinggi**. Mereka sangat menitikberatkan sistem amaran yang pantas kerana setiap minit dan saat sangat berharga untuk menyelamatkan nyawa dan harta.
    - Jepun memiliki **kualiti standard** yang tinggi untuk bangunan dan infrastruktur. Jepun menggunakan inovasi kejuruteraan seperti base isolation dan damping system bagi meningkatkan ketahanan infrastruktur terhadap daya seismik.
    - Jepun juga mengadaptasi **sistem tindak balas bencana** secara bersepadu, melibatkan pihak kerajaan tempatan, agensi keselamatan dan pelbagai agensi lain. Koordinasi antara entiti yang berbeza ini menatijahkan proses pemindahan dan misi menyelamat yang pantas.

RUJUKAN

- https://www.aljazeera.com/news/2024/1/1/magnitude-7-4-earthquake-strikes-japan-tsunami-warning-issued



NEXUS

RINGKASAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Ringkasan Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my

©Hak Cipta Terpelihara